

# Korea Selatan jadikan Malaysia model urus wang

24 APR 2002

KOREA Selatan yang menjadi satu daripada dua negara model Dasar Pandang Ke Timur sebaiknya mahu menjadikan Malaysia sebagai contoh dalam pengurusan kewangan negara, menerusi apa yang akan dikenali sebagai Dasar Pandang Ke Selatan.

Duta besarnya ke sini, Rhee Young Min, berkata republik itu mahu mempelajari pengaiaman dan pendekatan Malaysia menanggapi krisis ekonomi pada 1997 iaitu yang menyebabkan ekonomi Korea Selatan tenat sehingga terpaksa meminta bantuan Tabung Mata Wane Antarabangsa (IMF).

Katanya: Korea Selatan mengagumi keupayaan Malaysia menangani krisis ekonomi itu dengan cara tersendiri serta kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berjaya menyeiamatkan ekonomi negara.

"Saya akan mencadangkan kepada kerajaan saya supaya menghantar pegawai kewangan dan perkhidmatan awam ke sini bagi mempeajari cara Malaysia menangani krisis ekonomi duii.

"Saya akan menekankan perkara ini dan akan mencadangkan supaya Korea Selatan mengadakan Dasar Pandang Ke Selatan," katanya kepada pemberita seiepas perasmian persidangan itu oieh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Rhee adaiah antara pembentang pada persidanean dua hari itu.

Mengenai Dasar Pandang Ke Timur, Rhee berkata dasar itu masih relevan kepada Malaysia dan boleh dipertingkatkan dengan mempelbagaikan program sedia ada.

Katanya, Korea Seiatan mempunyai banyak kepakaran dan pengaiaman untuk dikongsi bersama dengan Malaysia, khususnya dalam pemindahan teknologi pembua-tan.

"Syarikat gergasi Korea seperti Samsung, Hyundai dan Kia bofeh memindahkan teknologi mereka kepada syarikat Malaysia," katanya sambii menambah syarikat berkenaan masih antara pesaing utama di dunia walupun terjejas teruk ketika krisis ekonomi duii.

Daiaim kertas kerjanya, Rhee berkata Dasar Pandang Ke Timur yang banyak membantu pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia sewajarnya diaksanakan secara dua haia, berbanding satu hala sekarang.

Katanya, ini kerana Korea Selatan juga ingin memanfaatkan kerjasama yang sudah iama terjaiin antara kedua-dua negara untuk berkongsi dan bertukar pengaiaman serta nilai positif.

"Saya harap Malaysia akan mempertimbangkan program pendidikan dan kebudayaan untuk rakyat Korea. Saya akan menamakannya 'Dasar Pandang Ke Selatan' kerana rakyat Korea juga mahu mendapatkan nilai positif daripada model Malaysia," katanya.

Rhee juga berkata, Dasar Pandang Ke Timur sewajarnya dijadikan pemangkin kepada kerjasama iebih mantap antara negara Asia Timur.

Katanya, giobaiisasi dan peningkatan kebergantungan antara negara memberi cabaran dan peiuang baru kepada kerjasama serantau.

"Program kerja sama akan memboiehkan negara Asia Timur menghadapi cabaran semasa," katanya.

Terdahulu, daiaim ucapan aiuannya, beliau menggesa Malaysia memberi tumpuan yang sama kepada Korea Seiatan seperti mana yang diberikan kepada Jepun daiaim pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur.

Katanya, Korea Seiatan juga mempunyai kepakaran dan institusi pendidikan yang boieh dimanfaatkan rakyat Malaysia.

"Saya harap Malaysia akan menghantar iebih ramai peiajar dan pegawainya melanjutkan pelajaran di Korea Seiatan," katanya